

Ulama wajar jelas fatwa salah

BH - 7 FEB 2000

MELAKA, Ahad – Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, ulama di seluruh negara tidak sewajarnya berdiam diri dan hendaklah berani serta tegas memberi penjelasan sebenar kepada umat Islam mengenai beberapa fatwa Pas yang bercanggah dengan akidah.

Katanya, jika ramai ulama berani menyatakan perkara sebenar, kekeliruan yang ada dan perselisihan di kalangan umat Islam dapat diperbaiki.

“Penjelasan ini amat penting

dengan ulama perlu ke depan memberi penjelasan, secara tegas dan berani, sebelum terlambat,” katanya kepada pemberita selepas melawat rumah terbakar di Kampung Morten di sini.

Bagaimanapun, tegasnya, apa yang berlaku sekarang ialah ramai ulama memilih berdiam diri sehingga orang ramai keliru.

“Akhirnya kita bimbang, tiba suatu ketika pula, ada orang yang menghalalkan darah umat Islam dengan menggunakan al-Quran dan hadis.

“Jika diyakini, agama akan

hancur dan kita akan kembali semula ke zaman Islam sentiasa berselisihan dan tiada apa yang boleh dibangga,” katanya.

Menurutnya, ini sudah terjadi di negara luar apabila umat Islam bergaduh sesama sendiri, menghalalkan darah adalah sesama Islam walaupun mereka berilmu, menghafal al-Quran dan menjadi alim ulama tetapi semua mempertahankan tindakan atas nama agama.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno

akan membuktikan bahawa beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Pas adalah bertentangan dengan akidah Islam.

Mohd Ali, yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (Maim) berkata, beliau menyokong penuh kenyataan Dr Mahathir untuk Umno menyediakan fakta membalas fakwa yang membawa kekeliruan dan boleh merosakkan perpaduan umat Islam.

“Saya sendiri ada bertanya alim ulama dalam Maim ketika mesyaurat bulan lalu, hukum sese-

orang Islam menghukum umat Islam itu kafir dan mendakwa masuk satu parti pula, boleh masuk syurga.

“Ulama ini menjelaskan bahawa orang yang menuduh itu murtad atau pun syirik,” katanya.

Berdasarkan itu, tegasnya, alim ulama mesti memberi penerangan yang jelas dan tidak patut dilakukan oleh mana-mana ahli politik yang boleh menjejaskan akidah umat Islam kerana hukumnya pun amat berat dari segi agama.